

**KEBERKESANAN TEKNIK MEMBACA SQ3R DALAM PENGAJARAN KEFAHAMAN
MEMBACA DI SEKOLAH MENENGAH***(The Effectiveness Reading SQ3R Technique in Reading Comprehension Teaching at Secondary School)*

**WAN DYARUDIN WAN
MUSTAPPA**
Kementerian Pendidikan Malaysia
wdya70@yahoo.com

Diserah pada:
21 Julai 2016

Diterima pada:
18 Mac 2017

Koresponden:
wdya70@yahoo.com

Abstrak: Kajian dijalankan untuk melihat keberkesanan kaedah SQ3R dalam pengajaran membaca untuk tujuan pemahaman. Kajian dijalankan secara kuasi eksperimen dengan menggunakan teknik SQ3R bagi kumpulan eksperimen berbanding dengan kaedah konvensional untuk kumpulan kawalan. Kajian ini dilaksanakan di Sekolah Menengah di daerah Padang Terap, Kuala Nerang, Kedah yang melibatkan sampel kajian seramai 50 orang pelajar tingkatan satu yang dibahagikan kepada kumpulan eksperimen seramai 25 orang pelajar dan kumpulan kawalan seramai 25 orang pelajar. Ujian-t diguna untuk pengujian hipotesis yang dibina. Dapatan kajian mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan eksperimen yang menggunakan kaedah SQ3R dengan kumpulan kawalan yang menggunakan kaedah konvensional pencapaian keseluruhan kefahaman membaca pelajar. Dapatan menunjukkan bahawa penggunaan kaedah pengajaran membaca menggunakan teknik SQ3R mampu memberikan kefahaman membaca dengan lebih berkesan kepada pelajar tersebut.

Kata kunci: Teknik membaca, pengajaran kefahaman, kemahiran membaca, sekolah menengah

Abstract: The study was conducted to examine the effectiveness SQ3R methods in teaching reading for comprehension purposes. Studies conducted a quasi-experimental techniques used SQ3R of the experimental group as compared with conventional methods for the control group. This study was conducted in schools in Padang Terap, Kuala Nerang, Kedah involving a sample of 50 students were divided into one experimental group of 25 students and a control group of 25 students. T-test was used to test the hypothesis built. The study found that there are significant differences between the experimental group using methods SQ3R with a control group using a conventional method of reading comprehension achievement of all students. The findings show that the use of methods of teaching reading using reading comprehension SQ3R able to provide more effectively to the student.

Keywords: Reading technique, comprehension teaching, reading skills, secondary school

PENGENALAN

Dalam pengajaran dan pembelajaran membaca di sekolah menengah, aspek pemahaman membaca di ambil kira sebagai satu perkara yang penting bagi pelajar memahami keseluruhan teks yang dibaca. Menurut Yahya (2008), kemahiran membaca penting bagi menentukan sama ada kandungan teks yang dibaca dapat difahami. Semua pelajar inginkan supaya mereka dapat menguruskan bacaannya dengan berkesan dan dapat memanfaatkannya dalam kehidupan. Walau bagaimanapun, para pelajar sering berhadapan dengan masalah menguasai dan memahami kandungan teks. Menurutnya lagi, pementapan penguasaan kemahiran membaca perlu diberikan penekanan melalui pengajaran membaca dengan berkesan. Oleh itu, setiap pelajar perlu menguasai kemahiran membaca teks untuk mendapatkan pemahaman dengan lebih bermakna.

Kefahaman membaca ialah kebolehan atau kemampuan memahami dengan sepenuhnya apa yang dibaca. Hal ini merupakan satu proses mendapatkan maklumat daripada komunikasi, sama ada melalui lisan, bertulis atau penggunaan simbol-simbol tertentu dan merangkumi proses mental yang kompleks seperti pengesanan perkataan, pemilihan makna yang sesuai, penubuhan generalisasi dan juga penilaian. Ini dapat dijelaskan bahawa kefahaman membaca adalah satu proses menerapkan maklumat yang terkandung dalam bahan bacaan untuk dicerna dan disimpan dalam minda supaya dapat digunakan apabila perlu. Apabila seseorang pelajar itu membaca, mereka akan melakukan sesuatu pertalian proses memilih, menela (meramal), menguji dan mengesahkan maklumat yang dibaca. Proses ini bukan sahaja dapat membantu mereka menggunakan fikiran secara kritis dan kreatif malah dapat mengukuhkan lagi kemahiran membaca pelajar berkenaan dengan lebih berkesan.

Dalam Buku Panduan Guru Bahasa Melayu KBSM (2002) yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk guru tingkatan satu telah mengemukakan beberapa cadangan strategi, kaedah dan teknik membaca yang sesuai untuk digunakan oleh guru dalam proses pengajaran mereka untuk mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

Antaranya ialah teknik membaca SQ3R (*Survey-Question-Read-Recite-Review-SQ3R*).

Keberkesanan teknik SQ3R dalam pengajaran pemahaman teks menjadi objektif utama dalam kajian ini. Sasaran utama sampel kajian ialah pelajar tingkatan satu.

STRATEGI MEMBACA SQ3R

Keberkesanan dalam pembacaan adalah amat penting dan perlu ditekankan oleh para pelajar ketika membaca. Menurut Fadzilah (1999) kefahaman membaca adalah satu proses membaca dan memahami, membuat tindak balas serta dapat menggunakan idea kritis. Ia melibatkan pemikiran tentang perkara yang tersurat dan tersirat, menghubungkan idea-idea, menyoal dan bertindak balas dan menilai idea, juga mengaplikasikan maklumat ke dalam situasi baru. Proses membaca yang berkesan memerlukan kemahiran yang tertentu sama ada sebelum, semasa ataupun selepas proses membaca (Yahya 2003). Oleh itu, pelajar perlu mengetahui dan melatih diri membaca dengan betul berdasarkan kaedah-kaedah pembacaan ada. Kaedah pembacaan yang tidak betul akan menyebabkan pelajar berasa cepat bosan, kurang berminat dan cepat berasa mengantuk.

Saniah et al. (2000) menyatakan bahawa kemahiran membaca biasanya terbahagi kepada dua bahagian yang utama iaitu membaca secara pantas dan membaca secara kritis. Contoh membaca secara pantas adalah seperti teknik sepintas lalu (*scanning*) dan bacaan sekilas (*skimming*). Untuk bacaan secara kritis pula adalah seperti teknik SQ3R. Dalam kajian ini, strategi membaca menggunakan teknik SQ3R merupakan alternatif untuk diguna oleh guru dan pelajar sebagai satu kaedah bacaan dan kaedah kemahiran belajar.

Teknik SQ3R membolehkan pelajar untuk mendapatkan maklumat daripada teks, memahami maklumat, dapat mengingati maklumat lebih lama, dan dapat menggunakan semula maklumat yang disimpan dalam mental. Teknik SQ3R merupakan kaedah untuk mendapatkan maklumat, memahami maklumat, dan mengingati maklumat dalam jangka masa yang lebih lama. Perhubungan antara teknik SQ3R dengan kefahaman membaca adalah bersesuaian kerana menumpukan aspek mendapatkan maklumat daripada teks bacaan,

memahami maklumat teks bacaan, dan dapat menggunakan kembali maklumat yang diperoleh.

Robinson (1970) telah membuktikan teknik membaca SQ3R memberi kelebihan kepada pembaca daripada pelbagai aspek termasuklah mendapatkan idea utama dengan lebih berkesan, memahami maklumat dalam teks dengan lebih mantap, dapat menyimpan maklumat lebih lama dalam mental, dan dapat menggunakan kembali maklumat yang disimpan dalam mental.

Robinson menetapkan lima langkah yang perlu dilakukan mengikut urutan, iaitu *Survey* (Tinjau), *Question* (Soal atau tanya), *Read* (Baca), *Recite* (Sebut atau imbas kembali), dan *Review* (Semak atau baca semula). Kelima-lima langkah yang dikemukakan oleh Robinson (1970) akan disesuaikan oleh pengkaji dengan bidang kajian iaitu penguasaan kefahaman membaca.

1. *Survey* (tinjau) ialah langkah membaca untuk mendapatkan gambaran keseluruhan tentang apa yang terkandung di dalam bahan yang dibaca. Hal ini dilakukan dengan meneliti tajuk besar, tajuk-tajuk kecil, gambar-gambar atau ilustrasi, lakaran grafik, membaca perenggan pengenalan, dan perenggan terakhir di bahagian-bahagian buku atau teks. Di sini juga pelajar sebenarnya menggunakan teknik membaca pantas iaitu *skimming* dan *scanning*.
2. *Question* (soal atau tanya) ialah langkah yang memerlukan pelajar menyenaraikan satu siri soalan mengenai teks tersebut setelah mendapati teks tersebut berkaitan dengan keperluan tugasannya. Soalan-soalan tersebut menunjukkan keinginan pembaca tentang maklumat yang ingin diperoleh dari bahan tersebut, dan ianya menjadi garis panduan semasa membaca kelak. Pelajar akan cuba mencari jawapan kepada soalan-soalan tersebut.
3. *Read* (baca) ialah peringkat pelajar sebenarnya membaca bahan atau teks tersebut secara aktif serta mencuba mendapat segala jawapan kepada soalan-soalan yang telah disenaraikannya sebelum ini. Ketika membaca, pelajar mungkin juga akan menyenaraikan soalan-soalan tambahan, berdasarkan perkembangan kefahaman dan keinginannya sepanjang melakukan pembacaan. Pelajar mungkin juga mempersoalkan pendapat atau maklumat yang terdapat yang ditemuinya.

4. *Recite* (imbas kembali) ialah peringkat yang ketiga. Setelah selesai membaca, pelajar cuba mengingat kembali apa yang telah dibaca dan meneliti segala yang telah diperoleh. Pemilihan maklumat yang sesuai dilakukan dalam konteks tugasannya. Pelajar juga boleh cuba menjawab soalan-soalan yang disenaraikan sebelumnya tanpa merujuk kepada nota atau bahan yang telah dibaca.
5. *Review* (baca semula) merupakan peringkat terakhir. Pelajar membaca bahagian-bahagian buku atau teks secara berpilih untuk mengesahkan jawapan-jawapan kepada soalan yang dibuatnya di langkah ketiga. Pelajar juga memastikan tiada fakta penting yang tertinggal.

PENYATAAN MASALAH

Kelemahan penguasaan kemahiran kefahaman membaca oleh pelajar akan menyukarkan pelajar menguasai kemahiran bacaan peringkat yang lebih tinggi iaitu kefahaman membaca inferensi, kritikal, kreatif, dan afektif. Kefahaman membaca merupakan kemahiran kefahaman asas yang dijadikan prasyarat untuk mempercepatkan penguasaan kemahiran-kemahiran kefahaman yang lain yang lebih kompleks. Perkaitan yang erat wujud antara menguasai kemahiran bacaan dengan kebolehan untuk menguasai kefahaman membaca yang lebih tinggi (Marohaini 1999).

Kajian Zulkifley et al. (2000) menjelaskan tahap kefahaman bacaan pelajar adalah pada tahap sederhana sama ada di sekolah rendah atau di sekolah menengah dan seharusnya pencapaian ini perlu dipertingkatkan. Asas kefahaman bacaan yang rendah ini akan meninggalkan kesan yang negatif termasuklah pencapaian yang rendah, minat belajar yang kurang, dan keyakinan diri yang rendah.

Kelemahan calon tidak memahami kehendak soalan yang dikemukakan dalam peperiksaan awam (Zamri 2014). Kemahiran memahami kehendak soalan merupakan kemahiran kefahaman membaca kerana pelajar hanya dikehendaki mengesan fakta atau butiran yang dinyatakan secara eksplisit dalam soalan. Ini menyebabkan calon tidak dapat memberi isi-isi yang menepati tajuk.

Mohd. Zaini (2002) ketidakcekapan menguasai kemahiran kefahaman bacaan

menyebabkan terdapat soalan kefahaman tidak dijawab oleh calon dengan baik. Kebanyakan pelajar enggan mempelajari Bahasa Melayu dengan menggunakan teknik atau pendekatan yang berkesan. Pelajar tidak menyedari bahawa Bahasa Melayu merupakan mata pelajaran berorientasikan kemahiran. Sesuatu bersifat kemahiran memerlukan latihan yang banyak demi memperoleh kecekapan yang tinggi.

Kelemahan menguasai kemahiran kefahaman membaca merupakan satu penyebab mengapa pelajar tidak dapat menguasai kemahiran kefahaman membaca di peringkat yang lebih tinggi. Oleh itu, teknik SQ3R cuba diketengahkan dengan jangkaan dapat memantapkan penguasaan kemahiran kefahaman membaca di kalangan pelajar seterusnya membolehkan pelajar menguasai kemahiran kefahaman membaca dengan lebih baik. Kaedah SQ3R memerlukan keupayaan pembaca menggunakan mental secara optimum seterusnya menggalakkan pelajar menggunakan kemahiran berfikir bertujuan memahami teks yang dibaca (Yahya 2003).

KAJIAN KEFAHAMAN MEMBACA

Kefahaman membaca atau dikenali juga sebagai bacaan dan kefahaman bukan hanya merupakan aktiviti penting dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah, malah lebih penting lagi dalam konteks kehidupan seseorang. Kemahiran membaca dan memahami merupakan kemahiran seumur hidup yang sangat perlu dikuasai oleh setiap individu (Reid, 1981) dalam Yahya (2008). Abd. Rahim (1999) menjalankan kajian untuk melihat hubungan antara kecerdasan pelajar dengan kefahaman bacaan di kalangan pelajar tingkatan dua. Kajian selama enam minggu menggunakan instrumen kajian yang terdiri daripada soalan kefahaman dan Ujian Kecerdasan *Raveris Standard Progressive Matrices* (RSPM). Dapatan kajian beliau mendapati pencapaian pelajar dalam soalan kefahaman belum mencapai tahap yang memuaskan.

Kajian yang dijalankan oleh Subadrah (2001) telah menguji kefahaman bacaan bahan sastera dengan menggunakan skema. Kajian beliau selama lapan minggu terhadap 306 pelajar di sekolah menengah kebangsaan di daerah Barat Daya Pulau Pinang. Tiga kumpulan pelajar, iaitu kumpulan

eksperimen yang didedahkan dengan skema, kumpulan kawalan 1 dan kumpulan kawalan 2 tidak didedahkan dengan skema. Hasil kajian membuktikan bahawa kefahaman bacaan bahan sastera secara umumnya meningkat dengan pendedahan skema sastera kepada pelajar.

Abdul Wahab (2002) menjalankan kajian keberkesanan pendekatan holistik dalam pengajaran pemahaman bacaan dalam kalangan pelajar tingkatan satu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kumpulan yang mengikuti pengajaran menggunakan pendekatan holistik lebih menunjukkan prestasi yang tinggi berbanding kumpulan konvensional.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini mempunyai beberapa objektif iaitu untuk:

1. Menentukan sejauh mana pengajaran dan pembelajaran menggunakan teknik membaca SQ3R memberi kesan kepada pencapaian kefahaman membaca pelajar tingkatan satu.
2. Melihat perubahan sikap pelajar terhadap kefahaman membaca pelajar yang mengikuti teknik SQ3R.
3. Melihat perhubungan antara pencapaian dan sikap pelajar terhadap kefahaman membaca menggunakan teknik SQ3R.

HIPOTESIS KAJIAN

- H₀1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara min skor pra ujian kumpulan eksperimen berbanding kumpulan kawalan bagi pencapaian keseluruhan kefahaman membaca. (Ujian-t)
- H₀2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi pencapaian keseluruhan pasca ujian antara kumpulan eksperimen yang mengikuti pengajaran teknik SQ3R kemahiran kefahaman membaca berbanding dengan kumpulan kawalan. (Ujian-t)
- H₀3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan sikap pelajar terhadap kefahaman membaca bagi kumpulan eksperimen menggunakan teknik SQ3R dan kumpulan kawalan menggunakan kaedah konvensional. (Ujian-t)
- H₀4: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pencapaian keseluruhan pelajar dengan

sikap pelajar terhadap kefahaman membaca Bahasa Melayu. (Kolerasi Pearson)

METODOLOGI

Kajian menggunakan Reka bentuk kajian deskriptif kuasi eksperimen iaitu menggunakan kumpulan kawalan tidak serupa (Mohd Majid 1990) sesuai digunakan untuk mendapatkan maklumat dan keterangan daripada responden. Kajian deskriptif adalah sejenis kajian yang bermatlamatkan untuk menerangkan keadaan semasa sesuatu fenomena yang sedang berlaku, mendapatkan penjelasan dengan sempurna.

Populasi kajian terdiri daripada pelajar tingkatan satu di sebuah sekolah menengah di daerah Padang Terap, Kuala Nerang, Kedah Darul Aman. Pelajar berkenaan telah dipilih berdasarkan daripada pencapaian peperiksaan pertengahan tahun sekolah berkenaan yang mendapat keputusan Bahasa Melayu pada peringkat sederhana dan lemah. Seramai 50 orang pelajar telah dipilih.

Alat kajian ini ialah persediaan mengajar yang digunakan untuk mengajar bagi kedua-dua kumpulan dan teks pemahaman serta soal selidik sikap untuk mendapatkan maklum balas daripada responden dan mengumpul data yang berkaitan dengan kajian.

1. Persediaan mengajar: Persediaan mengajar melibatkan dua kumpulan pelajar iaitu kumpulan eksperimen yang menerima rawatan teknik SQ3R manakala kumpulan kawalan menggunakan pengajaran secara konvensional. Pengajaran menggunakan teknik SQ3R lebih tertumpu pada aktiviti pemusatan pelajar manakala kaedah konvensional pengajaran berpusatkan guru.
2. Ujian teks pemahaman: Responden akan diberi ujian pra dan ujian pasca. Kedua-dua ujian ini mengandungi petikan pemahaman teks iaitu dua petikan umum dan dua petikan Komsas. Terdapat 24 item soalan kefahaman berbentuk soalan objektif yang perlu dijawab oleh pelajar kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan sebelum rawatan dan selepas rawatan. Petikan pemahaman teks diambil daripada buku Bahasa Melayu tingkatan satu.
3. Soal selidik sikap: Sebanyak 20 item kaji selidik yang dibina. Masa selama 30 minit digunakan oleh pelajar untuk menjawab item

kaji selidik sebelum rawatan dan selepas rawatan bagi kumpulan menggunakan teknik SQ3R atau kaedah konvensional. Jawapan bagi setiap soalan adalah mengikut Skala Likert.

Bagi kumpulan pelajar yang dikaji, latihan menggunakan teknik SQ3R akan dijalankan oleh penyelidik kepada pelajar. Latihan menggunakan teknik SQ3R perlu dijalankan kerana pelajar perlu diberi tunjuk ajar untuk memahirkan pelajar mengaplikasikan teknik SQ3R dengan berkesan. Latihan menggunakan teknik SQ3R akan dijalankan dalam bentuk pengajaran supaya pelajar dapat membiasakan diri menggunakan teknik SQ3R semasa proses pengajaran sebenar yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu bagi kelas tersebut. Data akan dianalisis apabila data telah diperolehi daripada pra ujian, pasca ujian, dan item soal selidik. Data akan dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Science (SPSS) Versi 22.0*.

DAPATAN KAJIAN

Selaras dengan objektif kajian untuk melihat keberkesanan kaedah SQ3R terhadap pengajaran dan pembelajaran kefahaman membaca dalam kalangan pelajar sekolah menengah, hipotesis telah dibentuk dan keputusannya telah dianalisis menggunakan ujian-t, ANOVA dan korelasi Pearson pada aras signifikan setiap ujian tersebut ialah 0.05.

Statistik Deskriptif Min dan Sisihan Piawai Skor Pra ujian dan Pasca Ujian Kumpulan Eksperimen dan Kawalan

Jadual 1 dan 2 menunjukkan skor min dan sisihan piawai pencapaian kefahaman membaca pra ujian dan pasca ujian bagi kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan secara keseluruhan. Berdasarkan perbezaan yang kecil skor min dalam pra ujian, jelas menunjukkan bahawa pelajar dari kedua-dua kumpulan tersebut mempunyai pengetahuan sedia ada dan kemahiran yang seimbang sebelum rawatan dijalankan.

Pasca ujian menunjukkan peningkatan pencapaian min keseluruhan yang lebih tinggi oleh kumpulan eksperimen berbanding dengan kumpulan kawalan.

Jadual 1: Pra Ujian

Kumpulan	N	Min	Sisihan Piawai
Eksperimen	25	62.00	6.958
Kawalan	25	59.92	9.147

Jadual 2: Pasca Ujian

Kumpulan	N	Min	Sisihan Piawai
Eksperimen	25	83.20	8.196
Kawalan	25	65.40	8.529

H₀1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara min skor pra ujian kumpulan eksperimen berbanding kumpulan kawalan bagi pencapaian keseluruhan kefahaman membaca.

Jadual 3 menunjukkan nilai-t ialah 0.905 dan nilai p = 0.370. Ujian t pada aras signifikan >0.05. Hipotesis nol H₀1 diterima. Hal ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan bagi min skor pra ujian. Analisis data menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang ketara min bagi skor pra ujian kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan, iaitu sebanyak 2.08 dan sisihan piawai sebanyak 2.189. Berdasarkan perbezaan yang kecil, jelas menunjukkan bahawa pelajar dari kedua-dua kumpulan tersebut mempunyai pengetahuan sedia ada dan kemahiran yang seimbang sebelum rawatan dijalankan.

Jadual 3: Min dan sisihan piawai pencapaian keseluruhan pra ujian kefahaman membaca kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan

Kumpulan	N	Min	Sisihan Piawai	Nilai t	Sig. p
Eksperimen	25	62.00	6.958	0.905	0.370*
Kawalan	25	59.92	9.147		

* Tahap signifikan pada aras < 0.05

H₀2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi pencapaian keseluruhan pasca ujian antara kumpulan eksperimen yang mengikuti pengajaran teknik SQ3R kemahiran kefahaman membaca berbanding dengan kumpulan kawalan.

Jadual 4 menunjukkan nilai-t ialah 7.524 dan p = .000. Ujian t pada aras signifikan p<0.05

menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi pencapaian keseluruhan pasca ujian antara kumpulan eksperimen yang mengikuti pengajaran teknik SQ3R kemahiran kefahaman membaca berbanding dengan kumpulan kawalan (t=7.524,p<0.05).

Keputusan ini menolak hipotesis nol H₀2. Dapatan kajian selari dengan pendapat golongan mentalis mengenai teori pembelajaran bahasa yang menyatakan pembelajaran bahasa melibatkan mental. Faktor mental juga merupakan faktor utama dalam kaedah SQ3R.

Jadual 4: Perbandingan kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan terhadap min skor pasca ujian dengan menggunakan ujian-t

H₀3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan sikap pelajar terhadap kefahaman membaca bagi kumpulan eksperimen menggunakan teknik SQ3R dan kumpulan kawalan menggunakan kaedah

Kumpulan	N	Min	Sisihan Piawai	Nilai-t	Sig. p
Eksperimen	25	83.20	8.196	7.524	.000*
Kawalan	25	65.40	8.529		

konvensional.

Dalam Jadual 5 menunjukkan nilai-t ialah 5.253 dengan p = 0.000 pada aras signifikan <0.05. Hipotesis nol H₀3 ditolak. Hal ini menunjukkan terdapat perbezaan sikap pelajar terhadap kefahaman membaca bagi kumpulan eksperimen menggunakan teknik SQ3R berbanding kumpulan kawalan menggunakan kaedah konvensional. (t=5.253, p<0.05).

Jadual 5: Min dan sisihan piawai sikap pelajar terhadap kefahaman membaca Bahasa Melayu bagi kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan menggunakan ujian-t

Kumpulan	N	Min	Sisihan Piawai	Nilai-t	Sig. p
Eksperimen	25	3.958	0.289	5.253	.000*
Kawalan	25	3.402	0.443		

H₀₄: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pencapaian keseluruhan pelajar dengan sikap pelajar terhadap kefahaman membaca Bahasa Melayu.

Jadual 6 menunjukkan hasil analisis korelasi tersebut menunjukkan hubungan yang sederhana antara pencapaian pelajar dengan sikap pelajar terhadap kefahaman membaca di mana nilai pekali korelasinya ialah 0.493. Hubungan kedua-dua pemboleh ubah tersebut menunjukkan perkaitan positif. Hipotesis nol H₀₄ ditolak.

Hasil kajian ini menunjukkan terdapat hubungan atau perkaitan yang signifikan di antara pencapaian keseluruhan pelajar dengan sikap pelajar terhadap kefahaman membaca dengan nilai signifikannya ialah 0.000 pada aras signifikan $p < 0.01$.

Jadual 6: Perbandingan pencapaian keseluruhan dengan sikap pelajar terhadap kefahaman membaca Bahasa Melayu bagi kumpulan eksperimen dan kawalan

		Sikap	Pencapaian
Sikap	Korelasi	1.000	.493**
	Pearson		
	Sig. (2 hala)		.000
	N	50	50
Pasca ujian	Korelasi	.493**	1.000
	Pearson		
	Sig. (2 hala)	.000	
	N	50	50

PERBINCANGAN

Perbezaan Min Skor Pra Ujian bagi Kumpulan Eksperimen dan Kawalan

Pra ujian diduduki oleh kumpulan eksperimen untuk teknik SQ3R manakala kumpulan kawalan untuk kaedah konvensional. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang kecil bagi pencapaian dalam pra ujian antara pelajar kumpulan eksperimen berbanding dengan pelajar kumpulan kawalan. Perbezaan min bagi skor pra ujian kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan iaitu sebanyak 2.08 dan sisihan piawai sebanyak 2.189.

Perbezaan yang kecil ini menunjukkan prestasi awal pelajar kumpulan eksperimen dan pelajar

kumpulan kawalan mempunyai pengetahuan sedia ada dan kemahiran kefahaman membaca yang hampir sama sebelum rawatan menggunakan teknik SQ3R dan kaedah konvensional. Dapatan kajian ini menyamai dengan kajian Yahya dan Dayang Raini (2011) yang mendapati kaedah SQ3R amat berkesan dalam membantu pelajar menguasai kemahiran membaca teks Bahasa Melayu.

Perbezaan Min Skor Pasca Ujian bagi Kumpulan Eksperimen dan Kawalan

Perbezaan min skor pencapaian keseluruhan pasca ujian bagi kumpulan eksperimen berbanding kumpulan kawalan ialah 17.80 iaitu kumpulan eksperimen min skor 83.20, manakala kumpulan kawalan min skor 65.40. Dapatan ini menunjukkan pencapaian keseluruhan kumpulan eksperimen meningkat lebih tinggi berbanding kumpulan kawalan. Peningkatan pencapaian keseluruhan dikesan berlaku akibat penggunaan teknik SQ3R oleh kumpulan eksperimen. Kajian menunjukkan bahawa pelajar kumpulan eksperimen dapat mengaplikasikan teknik membaca SQ3R semasa menjawab soalan pasca ujian.

Teknik SQ3R memberi peluang kepada pelajar terlibat secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan komunikasi berkesan dalam kumpulan, aktiviti yang pelbagai, dan penggunaan mental secara aktif. Penglibatan aktif secara interaksi dalam kumpulan dan penggunaan mental yang aktif memberi peluang kepada pelajar untuk mengembangkan potensi dan pengalaman individu dalam semua aspek sama ada dalam bidang pengetahuan, kemahiran intelek, kemahiran motor, atau sikap (Yahya 2008).

Dapatan kajian selari dengan pendapat golongan mentalis yang menyatakan mental merupakan faktor utama dalam teknik SQ3R (Zamri 2016). Mental akan dirangsang untuk tinjau dan membina soalan yang berkaitan untuk mendapatkan maklumat dalam teks bacaan. Penerokaan mental untuk membina pelbagai struktur soalan bagi mengesan maklumat dalam teks bacaan dengan keupayaan sendiri melatih pelajar berfikir dengan dinamik. Keadaan ini merangsang penggunaan mental dengan aktif.

Perbezaan Min Sikap Pelajar Terhadap Pencapaian Kefahaman Membaca Kumpulan Eksperimen Berbanding Kumpulan Kawalan

Ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan eksperimen berbanding dengan kumpulan kawalan. Kumpulan eksperimen mendapat min skor sikap 3.958 berbanding dengan kumpulan kawalan yang mendapat min skor sikap 3.402, iaitu perbezaan min skor sebanyak 0.556. Kajian menunjukkan terdapat perubahan positif sikap pelajar kumpulan eksperimen terhadap pencapaian kefahaman membaca Bahasa Melayu berbanding dengan kumpulan kawalan.

Kaedah yang baik dan berkesan dapat membantu meningkatkan sikap positif pelajar terhadap kefahaman membaca (Zamri 2014). Teknik SQ3R membolehkan pelajar berinteraksi secara aktif dalam kumpulan. Teknik SQ3R mempunyai ciri-ciri gaya pembelajaran yang dapat membantu pelajar memahami diri, kehendak kumpulan, dan memahami tugas belajar yang sepatutnya ada pada seorang pelajar. Seterusnya dapat meningkatkan sikap positif terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu (Zamri 2014)

Hubungan Sikap dengan Pencapaian Keseluruhan Pelajar

Analisis korelasi tersebut menunjukkan hubungan yang sederhana antara pencapaian pelajar dengan sikap pelajar terhadap kefahaman membaca di mana nilai pekali korelasinya ialah 0.493. Hubungan kedua-dua pemboleh ubah tersebut menunjukkan perkaitan positif. Hasil kajian ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara pencapaian keseluruhan pelajar dengan sikap pelajar terhadap kefahaman membaca. Kesiediaan pelajar untuk belajar mempengaruhi peningkatan pencapaian pelajar (Zamri et al. 2015).

Faktor kematangan fizikal dan mental, pengalaman dan pengetahuan sedia ada, kemahiran asas, mengekalkan perhatian, dorongan dan motivasi, dan aspek sosial dan persekitaran merupakan antara faktor kesiediaan pelajar untuk menghadapi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan, seterusnya meningkatkan pencapaian pelajar. Interaksi guru dengan pelajar melibatkan memupuk dan mengasuh minat yang sedia ada

pada seseorang pelajar, memupuk perasaan yakin diri, dan memupuk perhubungan mesra guru dengan pelajar dapat membantu pencapaian pelajar (Syofia Ulfah et al. 2015).

KESIMPULAN

Penggunaan teknik SQ3R dalam pengajaran dan pembelajaran memberikan kesan dalam membantu meningkatkan pencapaian kefahaman membaca Bahasa Melayu sekolah menengah khususnya pelajar tingkatan satu. Penggunaan teknik SQ3R dalam pengajaran dan pembelajaran adalah lebih berkesan daripada pengajaran menggunakan teknik konvensional dalam meningkatkan pencapaian kefahaman membaca Bahasa Melayu.

Langkah-langkah dalam teknik SQ3R menggalakkan pelajar mencuba untuk mencetus idea-idea baharu yang bernas mengikut konteks teks. Langkah-langkah tersebut akan merangsang mental untuk menyesuaikan skemata pengalaman lepas pelajar dengan maklumat dalam teks. Pelbagai makna, konsep, dan pendapat akan dikemukakan. Keadaan ini membolehkan pelajar memahami makna dan memahami teks di peringkat kefahaman membaca dengan lebih mantap.

Rumusan dapat dibuat bahawa kaedah kefahaman bacaan yang digunakan terutama teknik SQ3R merupakan penyebab peningkatan pencapaian keseluruhan berbanding dengan pengaruh sikap pelajar terhadap kefahaman membaca Bahasa Melayu. Dapatan ini seiring dengan pendapat beberapa pengkaji yang bersetuju penggunaan kaedah yang sesuai dapat meningkatkan penguasaan sesuatu kemahiran dengan lebih berkesan. Kelebihan teknik SQ3R sebagai satu kaedah kemahiran belajar terbukti berkesan membantu pelajar meningkatkan pencapaian kemahiran kefahaman membaca khususnya dalam kajian yang dijalankan. Teknik SQ3R merupakan kaedah kemahiran belajar yang menekankan penguasaan kemahiran membaca untuk mendapatkan maklumat daripada teks (Robinson, 1970).

RUJUKAN

Abd Wahab Mat Arif. 2002. Keberkesanan pendekatan holistik dalam pengajaran dan pembelajaran di kalangan pelajar-pelajar

- tingkatan empat. Tesis Master Sains. Fakulti Perengajian Pendidikan. Universiti Putra Malaysia.
- Abd. Rahim Talib. 1999. Hubungan antara kecerdasan dengan kefahaman membaca di kalangan pelajar tingkatan 2. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Abu Hassan Othman. 1997. Penguasaan kefahaman bacaan dalam kalangan murid tahun lima sekolah kebangsaan. Tesis Master Sains. Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.
- Carell, P.L. 1983. Three components of background knowledge in reading comprehension. *Language Learning*, 33 (2): 183-203.
- Fadzilah Abd Rahman. 1999. Keberkesanan penerapan gaya pembelajaran sistem 4Mat dalam pengajaran dan pembelajaran kefahaman membaca di sebuah sekolah menengah rendah. Kertas Projek Ijazah Sarjana Sains. Universiti Putra Malaysia.
- Garner, R. 1988. *Metacognition and reading comprehension*. Norwood: Ablex Publishing Corporation .
- Heilman, A.W., Blair, T.R., & Rupley, W.H. 1994. *Principles and practice of teaching reading*. New York: Macmillan.
- Lembaga Peperiksaan Malaysia. 2001. *Laporan prestasi Bahasa Melayu 2012*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Marohaini Yusoff. 1999. *Strategi pengajaran bacaan dan kefahaman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Majid Konting. 1990. *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Samsudin Mahmod. 1992. Sikap pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu dan pertaliannya dengan pencapaian dalam Bahasa Melayu. Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Malaya.
- Mohd. Zaini Othman. 2002. Pengujian pemahaman Bahasa Melayu. *Dewan Bahasa*, 2 (2): 34-42.
- Morsberg, L. & Shima, F. 1969. *Comprehension of connected discourse*. Engelwood Cliffs: Southwest National Laboratory.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. 2003. *Huraian sukatan kurikulum bersepadu sekolah menengah Bahasa Melayu Tingkatan Satu Semakan 2003*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Reid, E.R. 1981. Schools don't teach comprehension. *Educational leadership Journal of the Association for Supervision and Curriculum Development*, 38(6); 455-457.
- Robinson, F. P. 1970. *Effective study*. New York: Harper & Row Publishers.
- Rumelhart, D.E. 1985. Towards an interactive model of reading. Dlm. H. Singer, & R.B. Ruddell, (Eds.). *Theoretical, models and processes of reading*. 3rd. Edition. Newark, Delaware; International Reading Association
- Saniah Sayuti et al. 2000. *Psikologi pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Subadrah Madhawa Nair. 2001. Keberkesanan skema terhadap kefahaman bacaan bahan sastra. Tesis Doktor Falsafah. Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia.
- Syofia Ulfah, Zamri Mahamod & Jamaludin Bahadusah. 2015. *Komunikasi interpersonal: teori dan amali*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Khuzaimah Wan Mamat. 1993. Kesan dua strategi prabacaan terhadap pemahaman bacaan pelajar tingkatan satu. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya
- Wittrock, M.C. 1987. Process oriented measure of comprehension. *Reading Teacher*, 40: 734-737
- Yahya Othman. 2003. *Mengajar membaca: Teori dan aplikasi*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Yahya Othman. 2008. *Proses dan strategi membaca berkesan*. Serdang, Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Zalizan Mohd Jelas. 1987. Teori-teori yang berhubung dengan menguji kefahaman membaca. Dlm. Azman Wan Chik (Ed.). *Isu-isu dalam pengukuran dan penilaian dalam Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zamri Mahamod, Ruslin Amir & Mohamed Amin Embi. 2015. *Kepelbagaian pelajar dan perbezaan pembelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zamri Mahamod. 2014. *Inovasi P&P dalam pendidikan Bahasa Melayu*. Cetakan Ketiga. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- Zamri Mahamod. 2016. *Psikolinguistik dan pengajaran bahasa*. Bangi: Penerbit Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zulkifley Hamid, Karim Harun & Sa'adiah Ma'alip. 2000. Tahap penguasaan Bahasa Melayu sebagai bahasa pertama dan bahasa kedua. *Dewan Bahasa*, 44 (1): 40-49.